

LAPORAN REPORTOUR

KERTAS 3 :

PENCEGAHAN MELALUI REKABENTUK DALAM PROJEK PEMBINAAN

TARIKH :	8 Disember 2016	PENCERAMAH:	En. Dr Ir Mohd Fairuz
TEMPAT:	Dewan Seminar Millenium Ballroom 2	REPORTOUR :	1. Nurul Fatimah Bayah 2. Muhamad Zuhaily

RINGKASAN PEMBENTANGAN :

1. Berkongsi statistik. Antaranya ialah bekerja di tempat tinggi merupakan kerja berisiko tinggi dalam bidang pembinaan
2. Risiko kemalangan dapat dihilangkan sekiranya dikawal dan dirancang bermula dari fasa merekabentuk.
3. Klien, perekabentuk dan kontraktor perlu bertanggungjawab dalam memastikan sesuatu projek pembinaan itu selamat.
4. Maklumat yang betul dan tepat perlu disalurkan untuk sesuatu projek pembinaan.
5. Kerjasama menyeluruh antara majikan dan orang yang ada kawalan dalam projek pembinaan.
6. Peraturan baru (*Construction Works Regulation*) akan dikeluarkan yang mana Peraturan ini akan melibatkan penetapan undang-undang sewaktu *pre-construction*, semasa pembinaan dijalankan dan selepas pembinaan selesai. Ini bagi menambahbaik Peraturan BOWEC yang sedia ada tetapi hanya melibatkan tanggungjawab kontraktor utama (*main contractor*) sahaja. Fail KKP (*Safety and health file*) perlu diwujudkan.

ISU YANG DIBANGKITKAN:

BIL.	SOALAN	JAWAPAN	NAMA / SYARIKAT
1.	Tanggungjawab dipindahkan daripada kontraktor kepada klien adalah baik (Pendapat)	JKKP mengalu-ngalukan pendapat dan mengucapkan terima kasih	Edward/ China Steel Company
2.	Bagaimana untuk menerangkan undang-undang dan peraturan KKP kepada pekerja dari China	Terdapat pelbagai cara untuk menerangkan kehendak perundangan di Malaysia. Dimana juga kita bekerja, prinsip menghormati ' Law of the Land ' mesti wujud. Bahagikan fasa pemberitahuan kepada 4 bahagian, <ul style="list-style-type: none"> (i) Engineering, Procurement, construction and commission (ii) Installation (iii) operation and maintenance (iv) Decommissioning. Kemudian usahakan supaya terdapat dokumen khas dalam Bahasa China berkaitan	

LAPORAN REPORTOUR

		atau kehendak peruntukan KKP pada setiap fasa.	
3.	Bagaimana JKPP akan mengendalikan isu-isu berkaitan KKP yang melibatkan kontraktor dari Negara China bagi projek pada masa kini dan akan datang?	Sama seperti projek – projek sedia ada iaitu memastikan pentadbiran KKP di projek tersebut mengikut kehendak OSHA, AKJ dan PSMA.	
4.	Bagaimana untuk SHO tempatan menghadapi syarikat dari China yang tidak menghormati perundangan Malaysia	<p>Sama seperti projek – projek sedia ada iaitu SHO menjamin pematuhan wajar majikan akur kepada kehendak dan pentadbiran KKP di projek tersebut mengikut kehendak OSHA, AKJ dan PSMA.</p> <p>Pindu pejabat JKPP sentiada terbuka untuk berbincang semua isu KKP ditempat kerja.</p>	Syukri/Kontamaju